

**SEMBAH UCAPAN MENJUNJUNG KASIH KEHADAPAN MAJLIS
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM ATAS KURNIA TITAH PERASMIAN
MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM
PERMESYUARATAN KESEPULUH
MAJLIS MESYUARAT NEGARA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**YANG BERTITAH
PEHIN UDANA Khatib Dato Paduka Seri Setia
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH
DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN
*MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI***

**Pada Hari Sabtu, 6 Jamadilawal 1435
Bersamaan 8 Mac 2014
(sesi petang)**

Jam 3.00 petang

**Bertempat di Dewan Persidangan
Majlis Mesyuarat Negara,
Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam**

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua.

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Wassalamuala Manita Baal Huda.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua, alhamdulillah, untuk kesekian kalinya perbahasaan di dewan ini diserukan untuk turut memikirkan isu-isu yang strategik. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara, pada hari Khamis, 4 Jamadilawal 1435 bersamaan 6 Mac 2014 adalah padat dengan isu-isu yang strategik itu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Baginda mengetengahkan isu kesejahteraan para pekerja di sektor swasta yang pada hemat Baginda melalui perkembangan dan produktiviti di sektor swasta itu akan dapat diharapkan untuk menyumbang kepada peningkatan sosio ekonomi di Negara ini, yana mana kerananya Kerajaan Baginda sentiasa melaksanakan berbagai inisiatif bagi memperbaiki lagi iklim pelaburan dan perniagaan sambil memastikan kesejahteraan pekerja-pekerja tempatan di sektor swasta adalah mendapat perhatian yang sewajarnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, disamping berbagai inisiatif dan langkah yang Baginda nyatakan telah dibuat oleh Kerajaan Baginda, kaola mohon izin untuk menambahkan, pertama mengenai isu kesejahteraan pekerja tempatan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun menyediakan satu kertas yang mengandungi cadangan-cadangan untuk menseimbangkan faedah-faedah, gaji dan layanan yang diberikan oleh majikan kepada pekerja-pekerja tempatan dengan yang diberikan

kepada pekerja-pekerja asing.

Kertas kerja yang berkenaan itu akan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri rundingkan dengan majikan-majikan dalam sektor swasta. Kementerian dalam hal ini, Yang Berhormat Yang Di-Pertua mengambil pendekatan yang lembut maknanya berunding, yang mana dengan keyakinan cadangan-cadangan itu akan mendapat respons yang positif dan Kementerian sedia terbuka untuk menerima cadangan-cadangan balas yang munasabah asalkan kita sama-sama dapat mencapai matlamat untuk memberikan kesejahteraan kepada pekerja-pekerja tempatan dalam sektor swasta demi untuk menarik mereka bekerja dalam sektor swasta itu, taat kepada majikannya, komited kepada tanggungjawabnya dan seterusnya.

Insyallah, perkara ini akan dirundingkan sedikit masa lagi dan Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola seterusnya ingin menyebutkan bahawa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan kerjasama Pejabat Peguam Negara telah menyiapkan pindaan keatas kadar gaji yang melayakkan seseorang pekerja tempatan mendapat perlindungan undang-undang di bawah Perintah Pekerjaan 2009, iaitu daripada gaji maksima dalam peruntukan yang ada pada masa ini sebanyak \$1,600 kepada gaji maksimum \$3,000, yang mana dengan pindaan itu nanti akan lebih ramai pekerja tempatan mendapat perlindungan undang-undang sekiranya terjadi masalah perburuhan atau pertikaian perusahaan antara pekerja dan majikan. Dan langkah ini, Insyallah akan juga turut menyumbang kepada usaha memelihara kesejahteraan pekerja-pekerja tempatan dalam sektor swasta seperti yang dihasratkan oleh titah Baginda itu.

Sementara dalam isu memudah cara memulakan perniagaan ini juga sangat memperbaiki lagi iklim perniagaan sambil kesejahteraan yang mana hal penting bagi pelaburan dan memastikan pekerja-pekerja tempatan. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola sukacita menyatakan bahawa semenjak bulan April 2011 (hampir 3 tahun yang lalu sehingga sekarang ini) tempoh menunggu lesen rampaian dan tanda perniagaan

dikeluarkan telah dapat disingkatkan dengan cara mengubah prosedur atau proses yang mesti diikuti sebelumnya iaitu daripada *sequential* kepada *parallel* bagi kesemua urusan yang berkaitan. Apabila sahaja permohonan mendapatkan lesen rampaian dan tanda perniagaan dihadapkan lengkap memenuhi syarat dan menepati peraturan dan setelah ada pendaftaran syarikat dan nama syarikat, maka sesuatu perniagaan boleh dimulakan pada hari keenam bagi perniagaan kategori *simplified approval* dan pada hari kesebelas bagi perniagaan kategori biasa.

Seterusnya bagi memudah cara memulakan perniagaan ini juga Yang Berhormat Yang Di-Pertua ialah menerusi projek *flagship* business licensing system yang diusahakan bersama dengan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bagi membolehkan orang ramai memohon perkhidmatan yang berkaitan dengan memulakan perniagaan menerusi talian online dan tidak payah lagi pergi ke kaunter-kaunter. Sehubungan dengan perkhidmatan secara *online*, ini juga dalam aspek permit kerja dan lesen pekerja, Jabatan Buruh sedang dalam proses menyediakannya. Maka apabila sistem dan prasarannya siap, orang ramai dalam sektor swasta akan mendapat kemudahan dalam menjalankan perniagaan mereka yang berhubung kait dengan urusan-urusan di Pejabat Buruh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, disamping langkah-langkah memudah cara memulakan perniagaan itu dalam aspek pengeluaran lesen dan permit kerja dan lesen pekerja, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga telah mengambil inisiatif, ini penting, inisiatif akan mengeluarkan Pas Kediaman Jangka Panjang (*Long Term Residential Pass*) kepada orang-orang asing yang ingin membuka perniagaan dalam sektor yang mendatangkan faedah bagi pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara sambil membuka peluang kerja kepada anak-anak tempatan.

Langkah ini, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dijangka akan

menambah baik lagi iklim pelaburan dan selaras dengan apa yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan Baginda untuk terus meningkatkan aktiviti perekonomian di Negara ini termasuk berusaha menarik pelaburan langsung asing iaitu FDI.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah Baginda itu ada menyebutkan yang Negara kita alhamdulillah, mempunyai *advantage* yang sangat unik iaitu dalam bentuk keamanan dan kesejahteraan yang dikurniakan oleh *Allah Subhanahu Wata'ala* kepada kita. Sesungguhnya titah Baginda itu sangat tepat, pengalaman Kerajaan dan rakyat selama hampir 65 tahun membangun Negara kita Brunei yang kecil molek ini iaitu semenjak pemerintahan akiteknya Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan dilanjutkan lagi kezaman pemerintahan anakanda Baginda sekarang, yang berhemah tinggi, bijaksana lagi berwawasan iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sepanjang lebih enam dekat itu, Brunei sangat bertuah dapat mengatasi *disadvantage* sebagai sebuah negeri kecil ditengah suasana yang bergolak dalam masyarakat serantau dan masyarakat antarabangsa yang cepat berubah.

Semua itu adalah berkat adanya keamanan disamping kurnia rezeki Allah berupa hasil minyak dan gas yang menjadikan

Kerajaan mampu membelanjai rancangan-rancangan pembangunan fizikal dan pembangunan sumber daya manusia (*Human Capacity*) dan projek-projek bagi kesejahteraan rakyat menerusi penyediaan kemudahan pelajaran dan pendidikan serta kemudahan kesihatan dan perubatan. Keamanan itu wujud dengan berkat rakyat yang taat kepada rajanya sambil taat beragama, bersikap positif, hidup secara harmoni dalam kepelbagaian tujuh puak rakyat jati dan kaum-kaum lain yang diterima menjadi rakyat dan penduduk Negara ini.

Itulah Yang Berhormat Yang Di-Pertua, *advantage* Negara Brunei Darussalam. Kita sekalian tidak disibukkan oleh aspek-aspek perbezaan yang ada antara kita, tetapi sebaliknya kita bersemangat menerima dan mengembangkan aspek-aspek persamaan dalam kebersamaan itulah kita hidup berpemerintahan beraja sebagai bangsa dan Negara moden yang progresif dalam sebuah Negara berdaulat dikalangan masyarakat Negara dan antarabangsa. Antara kita, rakyat telah juga menyebut tentang perpaduan. Itulah aset kita yang sangat berharga dan kita berazam untuk memelihara serta mempertahankannya.

Oleh itu, Negara Brunei Darussalam dan kita rakyatnya yang mencintai keamanan ini tidak boleh bertolak ansur terhadap sebarang percubaan merosakkan keamanan dan keselamatan negara, baik datangnya dari luar apatah lagi sekiranya datang daripada kalangan kita sendiri. Kerana itulah Yang Berhormat Yang Di-Pertua, baru-baru ini Kerajaan telah memutuskan untuk mengenakan Perintah Tahanan Keselamatan bagi tempoh 2 tahun keatas seorang warganegara asing yang menurut penilaian keselamatan adalah berpotensi untuk menjadi fasilitator bagi bekas ahli-ahli sebuah pertubuhan yang menyokong dan menjalankan operasi pengganasan yang ada di luar negeri untuk bertapak di Negara ini dan seterusnya dijangka akan menjadikan Negara kita yang aman tenteram ini '*safe heaven*' bagi kumpulannya dan seterusnya individu berkenaan juga berpotensi menggunakan Negara Brunei Darussalam

sebagai sumber pembiayaan dana kepada kumpulannya di luar negeri. Individu berkenaan juga dinilai oleh pihak berkuasa keselamatan mampu untuk mendatangkan risiko tinggi kepada keselamatan Negara, selain dinilai berkemampuan menimbulkan ancaman keganasan yang boleh menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan Negara.

Kes ini, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sangat relevan untuk mengingatkan diri kita sendiri dan untuk kita sentiasa berwaspada daripada terjebak akibat lalai dan complacent, seterusnya kita hendaklah menyokong serta bekerjasama dengan pihak-pihak berkuasa keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang yang lainnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola mohon izin untuk meneruskan ucapan menyokong sembah junjung kasih ini dengan menyentuh perkara yang terakhir Baginda titahkan, iaitu Pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sesungguhnya adalah sungguh tepat Baginda menyifatkan pelaksanaan undang-undang ini juga sebagai satu aspek kemajuan besar bagi kita di Negara Brunei Darussalam kerana sejauh ini mengikut hemat kaola, orang lain yang belum mempunyai undang-undang seumpamanya tidak dapat mengangkatnya, tetapi kita, raja kita, Negara Brunei Darussalam kita, dengan kepimpinan kebijaksanaan lagi berhemah tinggi dan berwawasan rajanya dapat mengangkatnya.

Tapi entah bagaimana dan sejauh apa keputusan kita untuk memperkenalkan dan menguatkuasakan undang-undang itu, tiba-tiba menjadi tengkarah umum, menjadi *public controversial*. Ia diperkenalkan dan akan dikuatkuasakan sebagai sebahagian daripada undang-undang jenayah yang sudah ada dan berkuatkuasa. Hal itu, dari awal lagi sudah dijelaskan oleh Baginda dalam titah pelancarannya semasa merasmikan Majlis Ilmu dalam bulan November tahun lepas. Bahawa undang-undang yang bersifat *takzir* atau *seakan-akan takzir* akan masih

terpakai menurut keperluannya. Maknanya, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah tidaklah diperkenalkan dan dilaksanakan untuk menggantikan undang-undang negara yang sedia ada.

Kedua-duanya iaitu Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah dan *Undang-Undang Sivil* atau *Common Law* yang telah sedia ada akan saling melengkapkan, akan saling mengkomplimen satu sama lain sebagai undang-undang negara, sebagai '*Law of the Land*'. Buktinya kira-kira seminggu selepas bertitah melancarkannya itu, Baginda juga telah melantik *Judicial Commisioner* - Pesuruhjaya Kehakiman bagi Mahkamah Sivil.

Baru-baru ini, dalam satu taklimat pemberigaan kepada kalangan wakil diplomatik negara-negara sahabat ditegaskan dengan sejelas-jelasnya oleh seorang pegawai tinggi yang cukup mengetahui kedudukan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 sejak mula ia digubal, dibahas dan dijadikan rang untuk diluluskan dan diwartakan. Pegawai berkenaan itu menyatakan bahawa Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah *is not means to replace the panel court* yang sedia ada. Apakah sebenarnya yang ditengkarahkan oleh segelintir orang itu? Memanglah tidak sahaja kerana belum cukup memahami kedudukannya, bahkan ada antaranya yang tidak mahu atau tidak bersedia menerimanya. Mengapa?. Sedangkan ia sebahagian undang-undang negara '*Law of the Land*' yang sudah diwartakan dan akan dikuatkuasakan secara berperingkat.

Dengan hakikat ini dan dalam perspektif ini, sepatutnya tidak timbul ianya untuk dibantah kecuailah mungkin sengaja untuk menimbulkan apa yang disebut *to instigate uproar* dikalangan umum. Jika demikian niatnya dan terbukti dilakukannya, maka itu akan menjadi cerita lain yang akan diurus secara undang-undang juga.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, soalnya kita dari mula tidak

berniat menjadikan keputusan kita memperkenalkan dan melaksanakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah itu menjadi tengkarah umum. Ianya adalah pilihan kita di Negara Brunei Darussalam, dijadikan sebahagian undang-undang negara kita di Negara Brunei Darussalam. Kalau didalamnya terdapat *capital punishment*, undang-undang sebelum ini yang masih akan terus berkuatkuasa juga mengandungi *capital punishment*. Oleh itu, kita di sini di dalam Dewan ini dan rakyat serta penduduk di luar Dewan ini adalah wajar malah wajib menerimanya sebagai undang-undang Negara, mendukung pelaksanaannya, menyokong usaha melicinkan pelaksanaannya termasuk cadangan-cadangan yang mungkin akan dibuat atau telah pun dibuat sebagai rancangan melengkapkan pelaksanaannya itu dalam jangka panjang yang berkesan dengan penuh berhemah seperti misalnya penstrukturan semula mahkamah dan hakim-hakim dan penyediaan pegamal-pengamal Undang-Undang Jenayah Syariah itu, iaitu menerusi Latihan Praktikal dan Pengajian Akademik.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, pada hemat kaola penjelasan dan jaminan wajar diberikan kepada sesetengah orang yang bukan Islam khususnya dari kalangan saudara-saudara kita dalam puak jati Brunei dan kaum lain yang diterima berkerakyatan di Negara Brunei Darussalam ialah jaminan bahawa Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah sama sekali tidak mendiskriminasi mereka. Kerana itu penal yang bertugas memberigakannya sekarang mustahaklah berbuat sedemikian misalnya dengan menyebutkan beberapa peruntukan yang tidak membezakan layanan keadilan antara orang-orang Islam dan orang-orang bukan Islam seperti peruntukan Bab 126(1).

Sebenarnya Yang Berhormat Yang Di-Pertua, undang-undang ataupun Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah telah pun dibentangkan sebahagian daripada kertas yang dibentangkan di atas meja iaitu dalam Perkara VI Lampiran J, misalnya Bab 126(1), mengenai kesalahan membunuh dengan senghaja. Tidak terdapat perbezaan nilai nyawa orang bukan Islam apabila

dibunuh dengan senghaja oleh orang Islam, orang Islam yang membunuh, yang bersalah kerana membunuh orang bukan Islam akan dikenakan hukuman bunuh ataupun *diah* ganti rugi nyawa begitu juga sebaliknya.

Malah Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saudara-saudara kita yang bukan Islam wajar mengetahui bahawa undang-undang Islam yang sudah berjalan selama ini iaitu Akta Mahkamah Syariah Bab 103(2) memperuntukkan seseorang yang bukan Islam adalah layak memberikan keterangan atau *baiyinah* ke atas orang Islam dan bukan Islam dan layak pula untuk memberikan *syahadah* atau kesaksian (menjadi saksi di Mahkamah Syariah) jika ia seorang yang boleh dipercayai mengikut agamanya (dipercayai sebagai seorang yang adil) mengikut kriteria agamanya, bukan mengikut kriteria agama Islam.

Pada hemat kaola, aspek seperti ini wajarlah diketengahkan bagi mengelakkan sebarang kekeliruan dan kekhuatiran yang sekali gus dapat menolak tohmahan yang tidak berasas daripada segelintir orang yang cuba mempengaruhi orang lain, memburuk-burukkan bukan sahaja kanun ini, bahkan individu yang berwenang-wenang dalam pemerintahan dan juga individu tertentu yang berwenang-wenang mengenai hukum-hukum agama.

Dalam konteks menerima pakai ajaran dan hukum syariat Islam ini Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Brunei sebenarnya telah memulakannya sejak sebelum merdeka lagi. Dalam tahun 1979, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menitahkan Majlis Ugama Islam untuk melantik "sebuah jawatankuasa yang terdiri dari pegawai-pegawai agama dan peguam-peguam dari Jabatan Peguam Negara dan juga seorang dua yang mahir mengenai dengan adat resam dan

kebudayaan Negara Brunei Darussalam.”

Tugasnya ialah “untuk menyemak semua undang-undang Brunei dan mensesuakannya dengan kehendak hukum syarak.” Jawatankuasa berkenaan yang seterusnya Majlis Ugama Islam sendiri telah mendapati bahawa dari sebanyak 150 Undang-Undang Brunei yang disemak hanya sebanyak 25% sahaja yang berkehendakkan pindaan atau perlu pindaan. Itu pun pindaan-pindaan kecil.

Maknanya, Brunei sudah sedia mempunyai undang-undang yang sekalipun tidak disebut sebagai Undang-Undang Islam tetapi ianya adalah undang-undang yang patuh syariah, *syariah Compliant*. Maka pemerintahan Brunei, ini penting yang kaola ingin tegaskan dan perlu diyakini bahawa pemerintahan Brunei, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara dan Kerajaan Baginda serta semua lapisan yang berkhidmat dalam pemerintahan Brunei sudah pun menjalankan hukum Allah dalam skopnya yang luas iaitu pemerintahan yang adil, pemeliharaan kepentingan negara, Kerajaan dan kepentingan rakyat sesuai dengan Maqasid Asy-Syariah yang disebutkan dalam lima perkara itu. Kerana dalam prinsip ajaran berpemerintahan menurut agama Islam, raja atau apa juga gelaran individu yang menjadi pemerintah tertinggi bagi sesuatu umat hendaklah menjalankan pemerintahannya dengan adil sesuai dengan firman Allah yang bermaksud ”Hendaklah Engkau hukum atau perintah dengan adil.”

Oleh yang demikian Yang Berhormat Yang Di-Pertua, seruan Baginda untuk kita mempamerkan perpaduan dalam melaksanakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, tidak syak lagi wajib disambut dengan sandaran kepada ajaran Allah yang mewajibkan umat Islam bersatu padu sesama mereka dan mengelakkan perpecahan yang akan melemahkan kedudukan serta pengaruh mereka untuk menegakkan hukum Allah yang juga kaola fahami untuk melaksanakan keadilan, melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan dan memelihara kepentingan hidup yang selamat, sejahtera dan bermaruah

selaras dengan lima matlamat utama syariah atau Maqasid Asy-Syariah yang mana pemerintahan kita selama ini, pemerintahan Brunei yang beraja selama ini telah melakukannya dengan baik dan dengan itulah kita telah menetapkan Wawasan Negara 2035 yang dalam pencapaiannya kita berazam akan taat kepada Raja, memelihara nilai-nilai ajaran Islam dan memelihara amalan tradisi terbaik-baik di kalangan semua rakyat dan penduduk.

Maka Yang Berhormat Yang Di-Pertua, tidak ada sebab bagi kita semua, Islam dan bukan Islam untuk mengorbankan semangat perpaduan yang sedia ada. Dalam semangat itulah kita seikhlas dan setulusnya akan sentiasa mempamerkan perpaduan mendukung kepimpinan Baginda dalam melaksanakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 ini, Insya Allah.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Wassalam.

**Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman.**
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

Pejabat Menteri,
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,
Bandar Seri Begawan.
Sabtu, 6 Jamadilawal 1435/8 Mac 2014.